Series JSR SET-4

Code No. 19

Candidates must write the Code on the title page of the answer-book.

- Please check that this question paper contains **24** printed pages.
- Code number given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- Please write down the Serial Number of the question before attempting it.
- 15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.

SUMMATIVE ASSESSMENT - II

BAHASA MELAYU

Time allowed: 3 hours Maximum Marks: 90

Masa: 3 jam Markah: 90

The question paper is divided into **four** sections:

Section - A : Reading Comprehension 20 marks
Section - B : Writing 20 marks
Section - C : Grammar 25 marks
Section - D : Literature 25 marks

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU:

- (i) Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian** A, **Bahagian** B, **Bahagian** C, dan **Bahagian** D.
- (ii) Bahagian A terdiri daripada Soalan 1 yang mengandungi empat bahagian, iaitu (i), (iii), dan (iv). Anda diwajibkan menjawab ke semua bahagian tersebut.
- (iii) Bahagian B terdiri daripada Soalan 2 yang mengandungi tiga bahagian, iaitu (i), (ii), dan (iii). Anda diwajibkan menjawab ke semua bahagian tersebut.
- (iv) Bahagian C terdiri daripada Soalan 3, Soalan 4, Soalan 5, dan Soalan 6 yang mengandungi 30 soalan tatabahasa. Jawab semua soalan.
- (v) Bahagian D terdiri daripada Soalan 7, Soalan 8, Soalan 9, dan Soalan 10. Kesemua soalan dalam bahagian ini adalah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
- (vi) Anda dinasihatkan supaya mengambil masa untuk menjawab soalan Bahagian A (50 minit), Bahagian B (40 minit), Bahagian C (40 minit), dan Bahagian D (30 minit).
- (vii) Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
- (viii) Anda diberi masa 15 minit untuk membaca kertas soalan. Anda tidak dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
- (ix) Kertas soalan ini mengandungi 17 muka surat sahaja.

Bahagian - A [20 Markah]

SOALAN - 1

(i) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. (5 Markah)

Syarikat-syarikat yang ingin berjaya dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) perlu memberikan penekanan kepada pelbagai aspek asas perniagaan seperti pembiayaan modal dan pengurusan yang mantap di samping mempunyai teknologi yang berdaya maju. Syarikat yang berbekalkan teknologi terbaik sahaja tidak mampu menjamin kejayaannya dalam perniagaan. Ini terbukti apabila ada syarikat berstatus MSC kini sedang menghadapi masalah.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr. Othman Yeop Abdullah menyatakan bahawa setakat ini (sehingga minggu lalu, 189 buah syarikat menerima status MSC), sebuah daripadanya sedang menghadapi masalah kedudukan kewangan. Menurut beliau, syarikat tersebut mempunyai pelan perancangan dan teknologi yang baik tetapi menghadapi masalah kewangan disebabkan masalah pengurusan. "Masalah syarikat tersebut bukan disebabkan oleh masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara sebelum ini," katanya kepada pemberita di Cyberjaya, barubaru ini.

Kata beliau, berkemungkinan juga syarikat tersebut menjanjikan projek yang terlalu ke hadapan dan sukar untuk menunaikannya apabila menghadapi masalah kewangan. Apabila ditanya sama ada MDC mengambil sebarang langkah untuk membantu syarikat tersebut, Dr. Othman berkata, syarikat tersebut berhasrat untuk mengatasinya sendiri terlebih dahulu.

Selepas projek MSC dilancarkan, pelbagai syarikat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) berasaskan multimedia tempatan dan antarabangsa telah memohon untuk mendapatkan status syarikat MSC. Hal ini berlaku disebabkan kerajaan menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat yang mendapat status MSC seperti pengecualian, pekerja asing mahir tanpa had, kebebasan pemilikan, bantuan geran untuk syarikat kecil dan sederhana dan sebagainya.

Syarikat-syarikat yang ingin memohon status syarikat MSC untuk menikmati faedah-faedah yang ditawarkan perlu mengemukakan pelan pembangunan syarikat selama lima tahun. Pelan tersebut akan merangkumi lima bidang utama, iaitu pelan aktiviti perniagaan, jumlah kakitangan mahir yang akan terlibat, teknologi dan pemindahan teknologi, latar belakang syarikat dan pelaburannya, serta anggaran perniagaan yang dihasilkan.

- 1. Apakah perkara yang harus dilakukan oleh sesebuah syarikat yang ingin memohon status MSC?
 - (A) Menunjukkan pelan pembangunan syarikat selama lima tahun.
 - (B) Mengemukakan faedah-faedah yang ingin diperoleh.
 - (C) Mengemukakan pelan kewangan syarikat yang lalu.
 - (D) Menunjukkan pelan pembangunan syarikat dengan syarikat lain.
- 2. Kebanyakan syarikat yang menerima status MSC menghadapi masalah yang ketara dalam...
 - (A) operasi.
 - (B) pengurusan.
 - (C) pekerja.
 - (D) kewangan.
- 3. Apakah matlamat paling utama penubuhan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) ?
 - (A) Mengadakan projek mega dengan belanja yang besar.
 - (B) Muncul sebagai negara maju dalam ICT sahaja di dunia.
 - (C) Membangunkan negara berasaskan teknik multimedia.
 - (D) Menjadi sebuah negara pengeluar alat berasaskan ICT utama di Asia.
- 4. Berikut merupakan kelebihan yang dinikmati oleh syarikat yang mendapat status MSC, **KECUALI**.
 - (A) diberikan kebebasan pemilikan.
 - (B) pengecualian cukai pendapatan dan bayaran levi pekerja.
 - (C) bantuan geran untuk syarikat kecil dan sederhana.
 - (D) mengimport pekerja asing berkemahiran tanpa had.

- 5. Apakah aspek yang perlu bagi sesebuah syarikat untuk berjaya dalam projek MSC?
 - (A) Berdaya saing dengan syarikat-syarikat multimedia lain.
 - (B) Pengurusan yang cekap dan profesional dalam menjalankan tugas.
 - (C) Pembiayaan modal dan sistem pengurusan yang mantap.
 - (D) Kestabilan operasi dan pemasaran.

(ii) Baca rencana di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalansoalan yang berikutnya. (5 Markah)

Embun kebiasaannya dapat kita lihat pada kelompok bunga, pada untaian daun, di hujung rumput atau pun pada sarang labah-labah, khususnya pada waktu pagi. Embun berkilauan seperti permata apabila disinari cahaya matahari. Tahukah anda bagaimana embun terjadi? Sejak zaman Aristotle sehinggalah lebih kurang 200 tahun dahulu, manusia mempercayai bahawa embun turun seperti hujan. Biarpun titik-titik embun serupa dengan titik hujan, embun tidak turun dari awan.

Embun terjadi daripada lembapan udara di sekeliling kita. Apabila udara lembap bersentuh dengan permukaan benda-benda yang sejuk, sesetengah daripada udara itu akan meruap dan lembapan di dalamnya mendap di atas permukaan dalam bentuk titisan halus lalu dinamakan embun. Satu cara untuk memerhatikan kejadian embun adalah dengan memasukkan air batu ke dalam sebuah gelas pada hari panas. Titik-titik air akan terbentuk di bahagian permukaan luar gelas tersebut. Hal ini terjadi kerana udara sederhana panas dan lembapan menyentuh permukaan gelas yang sejuk itu.

Embun tidak akan terbentuk pada waktu malam yang berangin dan berawan. Waktu sesuai untuk pembentukan embun adalah pada malam yang tenang selepas waktu siang yang terang dan panas. Banyak sedikitnya embun yang akan terbentuk bergantung pada satu-satu kawasan. Di Amerika misalnya, kajian membuktikan embun yang terbentuk pada satu-satu malam ada kalanya lebih 0.05 sentimeter daripada jumlah hujan.

19 5 P.T.O.

Downloaded From : http://cbseportal.com/

Embun tidak tahan lama. Apabila sesuatu kawasan yang berembun terkena cahaya matahari, embun akan menjadi wap lalu tersejat ke udara. Dalam kehidupan orang Melayu, embun juga dijadikan sebagai perbandingan hidup. Misalnya, peribahasa yang menyebut, bagai embun di hujung rumput. Tahukah anda apa makna kata-kata itu?

- 1. Mengapakah kejadian embun tidak berlaku pada waktu tengah hari?
 - (A) Waktu tengah hari udara menjadi panas.
 - (B) Tiada titisan embun pada waktu tersebut.
 - (C) Matahari memancar pengaliran embun.
 - (D) Embun tidak terbentuk sewaktu keadaan berangin.
- 2. Bagai embun di hujung rumput dalam petikan membawa maksud...
 - (A) kasih sayang yang tidak kekal lama.
 - (B) kemalangan yang tidak disangka-sangka.
 - (C) sesuatu kejadian yang di luar dugaan.
 - (D) kejadian aneh tetapi benar-benar berlaku.
- 3. Pilih pernyataan yang tidak benar berdasarkan petikan di atas.
 - (A) Kuantiti pembentukan embun bergantung pada satu-satu kawasan.
 - (B) Embun berkilau-kilauan ketika disinari cahaya matahari.
 - (C) Manusia zaman dahulu mempercayai bahawa embun ialah hujan.
 - (D) Embun akan menjadi wap dan di sejat ke udara.
- 4. Bagaimanakah embun terjadi?
 - (A) Sewaktu hujan dan awan bersentuhan.
 - (B) Apabila benda-benda sejuk meruap di udara.
 - (C) Selepas hujan berhenti.
 - (D) Apabila udara lembap bersentuhan dengan permukaan benda sejuk.
- 5. Embun boleh didapati di tempat-tempat berikut, **KECUALI**...
 - (A) hujung rumput.
 - (B) untaian daun.
 - (C) kelopak bunga.
 - (D) sarang burung.

(iii) Baca artikel di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya. (5 Markah)

Sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah ingat bahawa orang lain, iaitu bangsa lain tidak akan menyebarkan bahasa Melayu ke seantero dunia, kecuali kita. Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah mempunyai iltizam untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa terpenting pada suatu hari nanti. Oleh itu, langkah yang pertama ialah kita perlulah memastikan bahawa bahasa Melayu mestilah diterima di tanah air sendiri. Jika bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi di negara kita ditolak oleh sebilangan besar rakyat di negara kita, bagaimanakah penduduk dunia mahu menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka? Oleh hal yang demikian, kita mestilah menyokong segala usaha yang bertujuan meningkatkan atau memartabatkan bahasa Melayu di negara sendiri.

Selain itu, kita juga hendaklah mengantarabangsakan bahasa Melayu melalui peranan kita sebagai duta kecil ketika berada di luar negara. Sama ada kita sebagai pelajar, pelancong, atau pekerja, kita mestilah sentiasa berusaha untuk menyebarluaskan bahasa Melayu dengan pelbagai cara. Ketika berada di luar negara, apalah salahnya jika kita mengajar rakan kita dari negara lain untuk mempelajari bahasa Melayu. Untuk menarik perhatian mereka, kita juga mestilah bersedia untuk mempelajari bahasa mereka. Jika kita bersedia untuk mempelajari bahasa mereka, mereka juga pasti bersedia untuk mempelajari bahasa kita.

Seterusnya, kita hendaklah mengantarabangsakan bahasa Melayu melalui pejabat kedutaan negara kita di luar negara. Di seluruh dunia, terdapat 104 buah kedutaan Malaysia yang mampu memainkan peranannya untuk menyebarluaskan bahasa Melayu. Melalui kedutaan tersebut, kita hendaklah mengetengahkan bahasa Melayu di negara-negara asing dalam pelbagai acara atau majlis. Melalui usaha ini, bahasa Melayu akan lebih dikenali, dipelajari, dihayati dan seterusnya dihormati oleh warga dunia. Pepatah Melayu mengatakan, "tak kenal maka tak cinta". Sebagai rakyat yang mempunyai semangat 'bahasa jiwa bangsa', kita hendaklah mempunyai iltizam atau kesungguhan untuk mempromosikan bahasa Melayu walau di mana-mana jua kita berada.

19 7 P.T.O.

Dalam zaman teknologi maklumat dan komunikasi ini pula, rakyat Malaysia mestilah memanfaatkan penggunaan Internet. Mereka yang pakar dalam bidang ini seperti ahli akademik, pakar bahasa, dan sebagainya hendaklah menyebarluaskan bahasa Melayu melalui laman web atau blog bagi membolehkan masyarakat dunia untuk mendekati dan mempelajari bahasa Melayu. Dalam era globalisasi ini, kebanyakan masyarakat dunia mencari dan memperoleh maklumat melalui Internet. Oleh itu, kita mestilah mengambil kesempatan ini untuk mempromosikan bahasa Melayu. Oleh sebab Internet merupakan medium yang paling murah, mudah dan cepat untuk menyebarkan maklumat, kita mestilah mengeksploitasikan kelebihan ini untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu ke seantero dunia.

- 1. Apakah langkah untuk memastikan bahasa Melayu menjadi bahasa terpenting?
 - (A) Memastikan bahawa bahasa Melayu diterima di tanah air sendiri.
 - (B) Tidak menyokong dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.
 - (C) Penolakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.
 - (D) Penduduk dunia tidak menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka.
- 2. Bagaimanakah cara untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu?
 - (A) Pelajar Malaysia di luar negara.
 - (B) Pelancong Malaysia ke luar negara.
 - (C) Penyebaran melalui akhbar dan majalah.
 - (D) Melalui duta kecil Malaysia ke luar negara.
- 3. Pepatah "tak kenal maka tak cinta" membawa maksud...
 - (A) jika tidak bercinta, mana hendak suka.
 - (B) apabila mula mengenali, baru timbul erti minat.
 - (C) lupa yang lama, mulakan dengan yang baharu.
 - (D) mula suka akan sesuatu yang baharu.

- **4.** Tujuan penyebaran maklumat berkaitan dengan bahasa Melayu melalui internet adalah...
 - (A) untuk membincangkan bahasa asing.
 - (B) untuk menjatuhkan kedudukan bahasa Melayu.
 - (C) untuk menyebarluaskan bahasa Melayu melalui laman web.
 - (D) untuk menulis kelemahan mempelajari bahasa Melayu.
- 5. Berikut adalah tujuan mempromosikan bahasa Melayu melalui internet, KECUALI.
 - (A) medium paling murah untuk mempromosikan bahasa Melayu.
 - (B) medium paling cepat dan mudah untuk penyebaran maklumat.
 - (C) boleh mendapatkan maklumat bahasa Melayu hanya di hujung jari.
 - (D) mengeksploitasikan kelemahan penggunaan bahasa Melayu melalui internet.

(iv) Baca petikan di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya. (5 Markah)

Jenayah kolar putih boleh didefinisikan sebagai jenayah halus tanpa kekerasan yang dilakukan oleh golongan profesional dan berpendidikan tinggi. Hal ini termasuklah jenayah perdagangan, kes penyelewengan, dan penyalahgunaan kuasa yang lazimnya membabitkan jumlah wang yang banyak. Pembabitan golongan ini dalam jenayah kolar putih amat berbahaya dan perlu diberi perhatian berat oleh masyarakat.

Kita sedia maklum bahawa langkah pencegahan yang berkesan ialah melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat. Dalam perkhidmatan awam, tindakan tatatertib perlu diambil terhadap mereka yang terlibat. Oleh itu, golongan yang disabitkan dengan kesalahan jenayah kolar putih perlu mendapat hukuman penjara dan sebat mandatori. Manakala harta yang didapati secara haram juga harus dirampas dan disita. Hukuman seperti ini bukan sahaja menjadi pengajaran kepada pesalah malah menjadi amaran kepada yang lain.

19 9 P.T.O.

Selain itu, didikan agama juga merupakan ubat mujarab kepada penyakit sosial ini. Iman yang kukuh dan kuat akan melindungi kita daripada melakukan kemungkaran. Pada masa yang sama, nilai kejujuran dan amanah akan berakar umbi dalam sanubari seseorang. Seterusnya, keutuhan iman seseorang juga dapat menentang nafsu haloba, ingin cepat kaya, dan pilih kasih. Bahkan takut kepada pengadilan Tuhan di akhirat akan menyedarkan kita bahawa kekayaan duniawi hanya sementara.

Tidak dinafikan lagi bahawa keinsafan diri juga penting dalam hal ini. Melalui kempen kesedaran, kita faham bahawa jenayah ini merugikan semua pihak termasuk diri sendiri. Selanjutnya kita akan menjauhinya dan bertindak tegas. Misalnya, ketua jabatan akan bertindak tegas terhadap pegawai yang melakukan penyelewengan dalam tugas tanpa perasaan pilih kasih. Nasihat dan teguran Badan Pencegahan Rasuah juga perlu diambil berat. Malah, mereka perlu memberi kerjasama kepada badan ini untuk menghapuskan amalan durjana ini.

Tuntasnya, seperti diperkatakan Mahatma Ghandi yang berbunyi "Dunia ini mencukupi untuk orang biasa tetapi tidak mencukupi bagi orang yang tamak dan haloba. Oleh hal yang demikian, tempat yang sebaik-baiknya bagi orang sedemikian ialah penjara."

(Dipetik daripada Dewan Siswa, Disember 2002)

- 1. Apakah maksud jenayah kolar putih?
 - (A) Jenayah halus.
 - (B) Jenayah berat.
 - (C) Jenayah orang besar-besar.
 - (D) Jenayah membunuh.
- 2. Mengapakah kerajaan mengenakan hukuman yang berat bagi jenayah ini?
 - (A) Untuk menghukum mereka.
 - (B) Untuk mengajar mereka.
 - (C) Untuk dijadikan pengajaran.
 - (D) Untuk membalas dendam.

- 3. Yang manakah **benar** mengenai langkah mengatasi jenayah kolar putih?
 - (A) Penjarakan seumur hidup mereka yang terlibat.
 - (B) Memulaukan mereka yang terlibat.
 - (C) Menembak mati mereka yang melakukan jenayah ini.
 - (D) Keinsafan dan keimanan dalam diri yang kukuh.
- **4.** Mengapakah didikan agama merupakan ubat mujarab bagi jenayah ini?
 - (A) Mereka tidak mudah tamak dan takut akan balasan.
 - (B) Mereka akan melawan jenayah ini.
 - (C) Mereka akan menjadi insan yang mulia.
 - (D) Mereka sedar dan insaf akan kesalahan mereka.
- 5. Mengapakah amalan pilih kasih tidak patut dilakukan oleh ketua jabatan?
 - (A) Untuk memberi hukuman setimbal terhadap mereka yang bersalah tanpa mengira siapa.
 - (B) Untuk menjamin keselamatan penjenayah.
 - (C) Untuk meringankan beban ketua jabatan.
 - (D) Untuk memberi keadilan bagi semua orang.

Bahagian - B [20 Markah]

SOALAN - 2

(i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang langkah-langkah untuk mencegah gejala pembuangan bayi. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(5 Markah)

19 11 P.T.O.

Saban hari berita pembuangan bayi sudah sampai ke tahap yang kritikal. Sebenarnya, banyak sekali punca yang menyebabkan berlakunya gejala pembuangan bayi. Pelbagai pandangan dan saranan dikemukakan oleh pihak yang prihatin terhadap masalah ini. Kerajaan diminta menubuhkan kumpulan "pemerhati dan perlindungan kanak-kanak" sebagai usaha membendung masalah pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak. Kumpulan ini mestilah ditempatkan di kawasan perumahan.

Langkah ini lebih mudah dilaksanakan jika diselia oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kumpulan ini dapat menjadi mata dan telinga bagi pihak polis, sekali gus memudahkan tugastugas siasatan dan penangkapan. Pengerusi Yayasan Suara Wanita, Tan Sri Zaleha Ismail menyarankan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agar bekerjasama untuk merealisasikan pewujudan rumah-rumah perlindungan bagi menangani masalah pembuangan bayi yang semakin menjadi-jadi ini. Setiap anggota masyarakat perlu sama-sama bertanggungjawab menyelesaikan masalah ini agar tidak menjadi budaya masyarakat Malaysia.


Masyarakat perlu disedarkan bahawa gejala ini bukanlah kesalahan si ibu sematamata. Sesiapa yang ternampak mana-mana orang yang membawa bungkusan dalam keadaan mencurigakan haruslah segera diberi penelitian. Orang ramai perlu berani tampil untuk membongkar maklumat yang berkaitan supaya pencegahan dapat dilakukan. Masyarakat termasuk institusi keluarga perlu mengelak daripada mencemuh wanita bermasalah yang memerlukan bantuan dan bimbingan. Jika tidak mereka akan terus memilih jalan singkat dengan membunuh nyawa yang tidak berdosa. Dari aspek undang-undang, hukuman berat perlu dikenakan terhadap pesalah si ibu dan bapa bayi mengikuti Akta Kanak-kanak 2001 dan Kanun Keseksaan.

Oleh itu, ibu bapa perlulah lebih serius dalam mendidik anak-anak bermula dari peringkat kanak-kanak lagi. Mereka perlu meningkatkan pengawasan terhadap anak remaja terutamanya dalam hal pergaulan. Secara tuntas, jenayah pembuangan bayi tidak harus dipandang remeh. Generasi hari ini terlalu bertunjangkan keseronokan duniawi yang mengheret mereka ke kancah pergaulan bebas. Selain itu, mereka terlalu ghairah mengejar

kenikmatan hidup tanpa menjaga sempadan batas pergaulan. Aktiviti kerohanian haruslah ditingkatkan bagi menyemai jiwa suci remaja. Jangan sudah terhantuk baharu hendak tengadah!

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Buang Bayi: Tanganinya dengan Lebih Serius" Oleh Hj. Samat Buang, Fokus SPM, April 2010.)

(ii) Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang kebaikan hidup berjiran Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.
 (5 Markah)



(iii) Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

(a) Budaya membaca dalam kalangan masyarakat perlu diterapkan sejak mereka di bangku sekolah lagi.

Bincangkan.

atau

(b) Anda bercadang memasuki satu pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh Persatuan Pengguna di daerah anda. Tajuk yang anda pilih ialah "Berjimat Cermat Menjamin Kebahagiaan."

Sediakan teks syarahan anda itu selengkapnya.

Downloaded From :http://cbseportal.com/

Bahagian - C [25 Markah]

SOALAN - 3

Susun	semula	frasa-frasa	yang	berikut	supaya	menjadi	ayat yan	\mathbf{g}
lengka	ı p.							(5 Markah)

telah membantu rakyat infrastruktur awam dengan menamba di tempat yang memerlukan. Kerajaan juga pembinaan negara. Pengukuhan bahasa Melayu dan penyebara sebagai bahasa ilmu penyumbang kepada Kegiatan kokurikulum luar bilik darjah yang merupakan akepada pembelajaran. menjadi elemen tambahan	
sebagai bahasa ilmu penyumbang kepada Kegiatan kokurikulum luar bilik darjah yang merupakan a	ın idea
Kegiatan kokurikulum luar bilik darjah yang merupakan a	
· · · · · · · · · · · · · · · · · · ·	
	aktivit
dapat dipupuk melalui <u>Semangat patriotik</u> daripada pemimpin n dan pemimpin masyarakat. contoh teladan	iegara
sangat penting kepada pelajar Penggunaan internet pembelajaran tambahan untuk mendapatkan bahan selain daripada	<u>a buku</u>

Downloaded From	:http:/	//cbseportal.com/

SOALAN - 4

(A)

(B)

Amerika. <u>Tiada kesalahan</u>.

(D)

-	t-ayat di bawah ini mungkin betul atau mungkin salah . Tandakan A, B, a C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan. (5 Markah)
(i)	Mereka-mereka yang terlibat dalam projek itu dikehendaki berkumpul di (A) (B)
	padang <u>tepat</u> pada pukul 10.00 pagi. <u>Tiada kesalahan</u> . (C) (D)
(ii)	Liza yang bekerja <u>di</u> kedutaan <u>sombong lagi</u> kedekut. <u>Tiada kesalahan</u> . (A) (B) (C) (D)
(iii)	Setengah pelajar suka merokok <u>di dalam</u> kawasan sekolah. <u>Tiada kesalahan.</u> (A) (B) (C) (D)
(iv)	Mereka ialah <u>ahli-ahli</u> sukan negara yang akan <u>menghadiri</u> <u>suatu</u> (A) (B) (C) perbincangan antarabangsa di Canada. <u>Tiada kesalahan</u> . (D)
(v)	Peragawati itu sedang menghidangkan minuman untuk

19 P.T.O.

penumpang-penumpang kapal terbang yang sedang dalam <u>perjalanan</u> ke

(C)

<i>(</i> •)		
(vi)	Syarikat Petronas diberi <u>tempuh</u> sebulan untuk <u>menyiapkan</u> projek ya (A) (B)	ng
	terbengkalai itu. <u>Tiada kesalahan</u> . (C) (D)	
(vii)) Mak Ngah <u>beli</u> buah-buahan itu <u>daripada pemborong</u> di Pasar Besar Selag (A) (B) (C) <u>Tiada kesalahan</u> (D)	yang.
(viii	i) <u>Rumah-rumah</u> itu disediakan untuk <u>gulungan</u> yang <u>berpendapatan rer</u> (A) (B) (C) <u>Tiada kesalahan</u> . (D)	<u>ıdah</u> .
(ix)	Sebuah jawatankuasa khas telah <u>dibentuk</u> untuk <u>mengaji</u> rang undang (A) (B) (C) undang tersebut. <u>Tiada kesalahan</u> . (D)	5-
(x)	Suzie <u>menyedari yang</u> dia berbakat besar <u>dalam</u> bidang muzik. (A) (B) (C) <u>Tiada kesalahan</u> (D)	
19	16	

Downloaded From :http://cbseportal.com/

SOALAN - 5

Pili	h jav	wapan yang paling tepat.	(10 Markah)				
(i)	Mat	ahari semakin condong ke barat namun kakak masih	pulang				
	ke r	ke rumah.					
	(A)	belum					
	(B)	akan					
	(C)	sedang					
	(D)	sudah					
(ii)	Ame	erika Syarikat dan negara-negara Eropah bersaing	dalam				
	usal	na menguasai teknologi satelit.					
	(A)	cepat					
	(B)	hebat					
	(C)	kuat					
	(D)	kerap					
(iii)	sungguh pemandangan dari kaki Gunung Kinabalu pada waktu						
	pagi.						
	(A)	Panas					
	(B)	Kelam					
	(C)	Muram					
	(D)	Indah					
(iv)	Naiı	na menangis apabila dimaklumkan bahasa kedua ibu	ı bapanya				
	terli	bat dalam kemalangan.					
	(A)	tersipu-sipu					
	(B)	tersedu-sedu					
	(C)	teresak-esak					
	(D)	terbahak-bahak					
(v)	Kep	ada anakanda akan diserahkan takhta kerajaan set	telah beta				
	man	ngkat.					
	(A)	beta					
	(B)	saya					
	(C)	tuanku					
	(D)	baginda					

17

19

(vi)	Ganga telah lulus dalam ujian meman	du, kembarnya Garry telah
	gagal buat kali kedua.	
	(A) maka	
	(B) manakala	
	(C) sementara	
	(D) supaya	
(vii)	Sebahagian besar kemalangan berpu sikap yang membawa pada	-
	(A) sambil lewa	
	(B) tolak ansur	
	(C) tutup mata	
	(D) ambil pusing	
(viii) Pembinaan tukun tiruan di perairan hasil tangkapan (A) pesawah (B) penoreh (C) petani (D) nelayan	negara telah berjaya menambahkan
(ix)	Beberapa pulau yang ind	ah terdapat di Terengganu.
	(A) tompok	
	(B) kelompok	
	(C) buah	
	(D) biji	
(x)	Nenek Gauri tidak pernah membaca se seorang (A) buta hati	ebarang buku atau majalah kerana dia
	(B) buta huruf	
	(C) buta kayu	
	(D) buta gaji	
	(D) Duta gaji	

19

Downloaded From :http://cbseportal.com/

SOALAN - 6

19

Pilih peribahasa	yang paling	sesuai bagi	pernyataan-pernyataan yang
berikut.			(5 Markah

A: lintah darat B: tulang belakang C: air dicencang tidak akan putus D: melentur buluh biar dari rebungnya E: seperti lembu dicucuk hidung F: indah khabar dari rupa G: kaca terhempas ke batu H: ayam terlepas tangan bau tahi I: alah biasa tegal biasa J: alang-alang berminyak biar licin (i) Muthusamy digelar sebagai _____ apabila suka mengaut keuntungan daripada orang kampung melalui perniagaannya. (ii) Pertelingkahan antara Kelvin dengan adiknya Nicole tidak berpanjangan. Setelah beberapa lama tidak bertegur sapa, mereka bermaaf-maafan dan berbaik semula. Peribahasa yang sesuai dengan kisah di atas ialah ____ "Sesuatu kerja yang dilakukan itu hendaklah dilakukan sehingga selesai" (iii) Peribahasa yang sesuai dengan kenyataan di atas ialah _____ (iv) Berita kematian ibu bapanya dalam kemalangan maut bagai _____. HALIMAH: Sudah puas saya menasihati anak kita itu, tetapi sikap keras hatinya memang sukar hendak diubah. ZAMBRI : Saya pun tak tahu lagi apa hendak dibuat. Peribahasa yang sesuai dengan dialog di atas ialah ______. (v)

Downloaded From : http://cbseportal.com/ Courtesy : CBSE

19

Downloaded From : http://cbseportal.com/

Bahagian - D [25 Markah]

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN - 7

Berdasarkan sajak di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

RUMPUT (5 Markah)

Baru saja hendak mendongak aku sudah dipijak baru saja hendak berbedak diserbu debu menutup muka cuaca panas angin kering ditambah lagi bau busuk asap lori sesak nafas *bagai menunggu mati* mujur embun pagi membersih diri.

Baru saja tangan hendak menari datang pemotong rumput lalu dipotongnya jari doa si pemotong rumput cepat panjang cepat dapat wang!

Nasib rumput di tepi jalan Tak sehijau rumput di padang.

(Khadijah Hashim)

(Dipetik daripada Antologi Harga Sebuah Lukisan, DBP 2012)

- (i) Frasa bagai menunggu mati merupakan contoh bagi
 - (A) inversi
 - (B) simile
 - (C) response
 - (D) metafora
- (ii) Apakah tema yang dikemukakan oleh pengarang dalam sajaknya?
 - (A) Rintihan nasib seseorang yang sering ditindas kerana kelemahan diri
 - (B) Kesedihan yang dialami oleh insan yang melupakan tujuan hidup
 - (C) Ratapan insan yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah manusia
 - (D) Keluhan insan yang kurang menghargai erti kehidupan

Downloaded	From	:http:	//cbse	porta:	l.com/
------------	------	--------	--------	--------	--------

- (iii) Rangkai kata 'ditambah lagi bau busuk asap lori' merujuk kepada
 - (A) penganiayaan yang dilakukan oleh golongan berkuasa
 - (B) perjalanan seseorang yang penuh berliku
 - (C) keadaan persekitaran yang kurang selesa
 - (D) sikap sesetengah manusia yang zalim
- (iv) Berikut adalah pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas, **KECUALI**
 - (A) kita wajarlah berusaha untuk menambahkan pendapatan
 - (B) kita hendaklah menjauhi sikap memandang rendah terhadap keupayaan seseorang
 - (C) kita mestilah bersikap adil dengan memberikan peluang kepada golongan susah
 - (D) kita haruslah mempunyai sikap hormat-menghormati terhadap insan lain
- (v) Apakah perkara yang cuba disampaikan oleh penyajak dalam rangkap kedua?
 - (A) Sesetengah pihak sanggup memotong jalan orang lain demi kepentingan diri.
 - (B) Sesetengah pihak sanggup memperkecilkan bakat orang lain demi keuntungan semata-mata.
 - (C) Sebilangan orang rela mengundurkan diri untuk kesenangan orang lain.
 - (D) Sebilangan orang akan berusaha gigih untuk mendapatkan wang.

SOA	ALAN - 8	
(i)	Apakah tema "Syair Berbuat Jasa"?	(3 Markah)
(ii)	Apakah persoalan dalam "Syair Berbuat Jasa"?	(3 Markah)
(iii)	Nyatakan dua nilai yang terdapat dalam "Syair Berbuat Jasa"?	(3 Markah)
	(a)	
	(b)	

21

19

Downloaded From : http://cbseportal.com/

SOALAN - 9

Baca cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. (5 Markah)

"Amin, bila lagi awak nak bayar yuran sekolah? Yuran sukan dan yuran PMR awak, hah!" sergah Cikgu Arsad di dalam kelas. Semua mata murid lain tertumpu ke arahnya. Amin tidak menjawab. Dia tunduk. Mukanya merah bagai udang dibakar. Dia berasa sangat malu. Bagaimanapun gurunya tidak boleh dipersalahkan. Sekolah juga tidak boleh dipersalahkan. Mak Jah? Mak Jah juga tidak bersalah. Jadi siapa yang bersalah? Pertanyaan-pertanyaan itulah yang menghantui kotak fikiran Amin. Baginya keadaan ibulah yang membuatkan ibunya dibaluti kesusahan. Jadi keadaanlah yang harus dipersalahkan apabila dia tidak dapat melunaskan yuran tersebut.

"Saya nak awak bayar esok!" bentak Cikgu Arsad.

"Amin, kalau awak tak bayar yuran PMR tu, awak akan dikeluarkan dari senarai calon peperiksaan. Faham ?", tambah pengetua pula. Amin hanya mampu mengangguk. Untuk mengatakan ya atau tidak, dia tidak berdaya.

"Awak boleh keluar sekarang, tetapi ingat. esok yuran-yuran itu mesti dijelaskan", pesan pengetua sebelum Amin keluar dari bilik pengetua.

Di luar Amin tertegun seketika. Amaran keras yang diberikan oleh pengetua dan Cikgu Arsad itu masih kedengaran olehnya. Air jernih pada kelopak matanya jatuh perlahan-lahan membasah pipi. Dia mengesat air matanya apabila namanya diseru dari belakang. Amin berpaling. Jazid rakan sekelasnya melambai-lambai kepada Amin.

"Kenapa, Min?", tanya Jazid ketika dia berada di hadapan Amin.

"Tak ada apa-apa", Amin cuba menyembunyikan masalahnya.

"Apa kata pengetua kepada engkau?" Jazid benar-benar ingin tahu.

"Sudahlah. Mari kita masuk kelas", Amin ingin berahsia.

(Dipetik daripada cerpen *Yuran*, Antologi Harga Sebuah Lukisan, DBP, 2011)

- (i) Apakah klimaks cerpen Yuran?
 - (A) Amin berjaya menangkap seorang pencuri.
 - (B) Amin memaklumkan kepada ibunya mengenai yuran persekolahannya.
 - (C) Seorang wanita menyerahkan sampul surat berisi wang sebagai hadiah kepada Amin.
 - (D) Cikgu Arsad memarahi Amin kerana tidak membayar yuran.
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah sebab Amin gagal menjelaskan yuran persekolahannya?
 - (A) sikap ibunya yang kurang prihatin
 - (B) kemiskinan hidup keluarganya
 - (C) dia gagal mendapatkan biasiswa
 - (D) sikap guru kelasnya yang suka mendesak
- (iii) Apakah yang akan berlaku jika Amin gagal menjelaskan yuran peperiksaan PMR?
 - (A) Dia akan diberhentikan sekolah dan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
 - (B) Namanya akan dikeluarkan daripada senarai calon PMR.
 - (C) Dia akan menerima hukuman yang berat daripada Cikgu Arsad dan pengetua.
 - (D) Guru-guru dan murid-murid kelasnya akan meletakkan kesalahan terhadap Amin.
- (iv) Nilai yang tidak dimiliki oleh Amin ialah...
 - (A) pendendam
 - (B) pemalu
 - (C) perahsia
 - (D) reda

19 23 P.T.O.

- (v) Antara pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas ialah...
 - (A) Kita hendaklah memaklumkan kesusahan hidup kita agar mendapat simpati daripada orang ramai.
 - (B) Guru hendaklah menggunakan kekerasan untuk memastikan pelajar menjelaskan yuran sekolah.
 - (C) Kita haruslah menyelidik latar belakang seseorang lebih dahulu sebelum mengambil sesuatu tindakan.
 - (D) Kita hendaklah prihatin akan masalah yang dihadapi oleh kawan kita.

SOALAN - 10

Berdasarkan kajian Antologi Harga Sebuah Lukisan, watak dan perwatak	an Puan
Ainun yang terdapat dalam cerpen "Budi Semangkuk Daging".	(6 Markah)
	•••••
	•••••
	•••••
	•••••
	••••••
	••••••

KERTAS SOALAN TAMAT